

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(B)26**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM  
YB KUMARAN KRISHNAN**

26. Memandangkan permohonan bagi pengoperasian penginapan pekerja secara sementara (TLQ) adalah sehingga 31 Disember 2025 sahaja, apakah rancangan Kerajaan Negeri bagi syarikat / majikan yang ingin mengemukakan permohonan pengoperasian TLQ selepas tahun 2025?
- (a) Apakah hala tuju Kerajaan Negeri untuk membantu TLQ sedia ada ditukar kepada CLQ?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. Berdasarkan **Garis Panduan Perancangan Penginapan Pekerja Sementara Di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Pulau Pinang** yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2024, kelulusan bagi penginapan pekerja (atau Temporary Labour Quarters, TLQ), kelulusan yang diberikan bagi penginapan pekerja (TLQ) adalah bersifat sementara sahaja iaitu selama tiga (3) tahun berakhir pada 31 Disember 2027. Garis panduan berkenaan juga telah dibuat pindaan berdasarkan kepentingan semua pihak dan diluluskan

dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 12 Februari 2025 serta berkuatkuasa mulai pada 1 Mac 2025.

Garis panduan berkenaan merupakan langkah penyelesaian jangka pendek yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi perkara penginapan pekerja untuk mengurangkan kesan negatif penempatan warga asing dalam komuniti serta memastikan kesejahteraan dan keharmonian penduduk tempatan dipelihara. Garis panduan TLQ ini juga merupakan satu dasar yang menjadi rujukan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pihak majikan / syarikat untuk menempatkan pekerja-pekerja secara sementara sebelum dipindahkan ke CLQ.

Dengan itu, Kerajaan Negeri tidak akan lagi mempertimbangkan sebarang permohonan baru TLQ selepas tarikh tersebut iaitu 31 Disember 2025. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan memberi tumpuan untuk membantu pemohon TLQ sedia ada untuk beralih ke CLQ berpandukan Garis Panduan Perancangan Pembinaan Penginapan Pekerja di Negeri Pulau Pinang Tahun 2022 (Centralised Labour Quarters – CLQ).

- (a) Kerajaan Negeri melalui PLANMalaysia@Pulau Pinang buat masa ini sedang dalam peringkat penilaian dan kajian Garis Panduan Perancangan Pembinaan Penginapan Pekerja di Negeri Pulau Pinang Tahun 2022 - Centralised Labour Quarters (CLQ).

Kerajaan Negeri memang memberi perhatian dan sedang dalam perbincangan untuk mempertimbangkan:

- i. **Zon Industri** (ringan dan industri) dibenarkan untuk mewujudkan CLQ dalam premis sendiri bagi kegunaan pekerja sendiri sahaja;
- ii. **Zon Komersial** yang telah dijadikan sebagai TLQ dapat ditukar guna kepada CLQ; dan
- iii. **Zon Perumahan** adalah tidak akan dipertimbangkan dan dibenarkan untuk mewujudkan CLQ.

Ini bermaksud, bagi TLQ yang berada di zon perumahan hendaklah dipindah ke CLQ selepas tamat tempoh permit dan tarikh berakhir adalah pada 31 Disember 2027. Manakala, bagi TLQ yang berada di zon perniagaan / zon komersial akan diteliti kebolehlaksanaan penukaran kepada CLQ.

